

Sime Darby Property Catat Keuntungan Tertinggi dan Jualan Rekod bagi TK2025

Dividen 3.20 Sen Mencerminkan Komitmen terhadap Nilai Pemegang Saham

- Mencatatkan keuntungan sebelum cukai (PBT) tertinggi sebanyak RM803.4 juta dan jualan rekod berjumlah RM4.2 bilion, melebihi sasaran jualan tahunan sebanyak 17%;
- Mencatatkan hasil dan keuntungan operasi (OP) masing-masing sebanyak RM4.2 bilion dan RM895.3 juta;
- Keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti (PATAMI) meningkat 3% tahun ke tahun kepada RM517.7 juta, menunjukkan keuntungan yang mampan;
- Produk perindustrian muncul sebagai penyumbang jualan tertinggi pada kadar 36%;
- Segmen Pelaburan & Pengurusan Aset merekodkan hasil dan keuntungan sebelum cukai (PBT) tertinggi, disokong oleh sumbangan kukuh daripada segmen runcit;
- Jualan belum dibil berjumlah RM3.9 bilion memaparkan pendapatan yang kukuh;
- Jumlah dividen bagi TK2025 adalah sebanyak 3.20 sen sesaham.

ARA DAMANSARA, 26 Februari 2026 – Sime Darby Property Berhad (“Sime Darby Property” atau “Syarikat”) mencatatkan satu lagi tahun prestasi kewangan dan operasi pada paras rekod, mencerminkan pelaksanaan yang berdisiplin serta daya tahan yang mampan dalam keadaan pasaran yang sentiasa berubah. Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025 (“TK2025”), Syarikat mencatatkan keuntungan sebelum cukai (“PBT”) tertinggi sebanyak RM803.4 juta dan jualan rekod berjumlah RM4.2 bilion. Keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti (“PATAMI”) adalah 3% lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya pada RM517.7 juta. Hasil dan keuntungan operasi (“OP”) masing-masing sebanyak RM4.2 bilion dan RM895.3 juta. Sime Darby Property mengisytiharkan jumlah dividen sebanyak 3.20 sen sesaham bagi TK2025.

Pengarah Urusan Kumpulan & Ketua Pegawai Eksekutif Sime Darby Property, Dato’ Seri Azmir Merican berkata, “Kejayaan melepasi paras jualan RM4.0 bilion dua tahun berturut-turut serta pencapaian keuntungan sebelum cukai tertinggi yang pernah direkodkan menunjukkan pelaksanaan berkesan strategi SHIFT25 kami. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, kami telah memperkukuh enjin pembangunan teras serta mengembangkan sumber pendapatan berulang. Inisiatif-inisiatif ini memberikan kami kecekapan untuk mengemudi perubahan pasaran di samping memperkukuh keupayaan kami dalam menjana nilai kepada pihak berkepentingan.”

UNTUK SIARAN SEGERA

Segmen Pembangunan Hartanah ("PD") kekal sebagai penyumbang terbesar kepada Syarikat, disokong oleh jualan rekod berjumlah RM4.2 bilion serta kemajuan yang konsisten di tapak-tapak projek aktif. Hasil dan PBT bagi segmen ini masing-masing berjumlah RM3.9 bilion dan RM763.9 juta, didorong oleh momentum jualan yang kukuh serta pembangunan berterusan di perbandaran utama termasuk Bandar Bukit Raja ("BBR"), City of Elmina, Serenia City, Kuala Lumpur Golf & Country Club ("KLGCC") Resort dan Nilai Impian.

Segmen Pelaburan & Pengurusan Aset (Investment & Asset Management atau "IAM") mencatatkan hasil dan PBT tertinggi masing-masing sebanyak RM183.9 juta dan RM48.1 juta. Prestasi yang lebih baik ini didorong oleh sumbangan runcit yang kukuh daripada KL East Mall, Elmina Lakeside Mall dan KLGCC Mall, di samping sumbangan tambahan daripada aset perindustrian BBR Gateway 1 dan 2 selepas pengambilalihan. Segmen ini turut merekodkan keuntungan nilai saksama bersih serta bahagian kerugian yang lebih rendah daripada usaha sama, memperlihatkan peningkatan prestasi aset dan usaha pengoptimuman portfolio yang berterusan.

Pelancaran dan Jualan TK2025

Syarikat telah melancarkan produk dengan jumlah Nilai Pembangunan Kasar ("GDV") kira-kira RM3.6 bilion sepanjang tahun tersebut. Produk perindustrian merupakan penyumbang terbesar pada kadar 37% (RM1.3 bilion), diikuti kediaman bertanah sebanyak 36% (~RM1.3 bilion), kediaman bertingkat tinggi 15% (RM520.6 juta) dan komersial 12% (RM434.0 juta).

Pelancaran penting sepanjang tahun termasuk pembangunan kediaman bertanah The Nine di Elmina Green (GDV: RM167.0 juta), kediaman bertingkat tinggi SJCC East One di Subang Jaya City Centre (GDV: RM520.6 juta), serta Signature Collection yang merangkumi produk perindustrian seperti kilang separa berkembar siap dibina di Elmina Business Park (GDV: RM544.0 juta), yang kesemuanya mencatatkan kadar pengambilan yang kukuh. Pelancaran komersial bernilai tinggi turut diperkenalkan ke pasaran pada tahun ini, antaranya Quadria di Bandar Bukit Raja (GDV: RM194.9 juta). Portfolio yang dipelbagaikan dengan baik ini membolehkan Syarikat memenuhi permintaan secara berkesan daripada pembeli rumah serta pelabur yang mencari hartanah perindustrian dan komersial dalam perbandaran yang mapan.

Bagi TK2025, Syarikat mencatatkan prestasi jualan tertinggi sepanjang masa sebanyak RM4.2 bilion, melepasi sasaran tahunan RM3.6 bilion sebanyak 17%. Produk perindustrian kekal sebagai penyumbang terbesar pada kadar 36% atau RM1.5 bilion, mempamerkan

UNTUK SIARAN SEGERA

permintaan berterusan terhadap aset logistik dan perindustrian berkualiti tinggi. Produk kediaman bertanah dan bertingkat tinggi masing-masing menyumbang 26% dan 24%, manakala produk komersial merangkumi 13%, sekali gus menunjukkan komposisi jualan yang seimbang merentasi segmen.

Pencapaian Kewangan / Operasi Lain

Setakat 31 Disember 2025, jualan belum dibil kekal berdaya tahan pada RM3.9 bilion, menyediakan asas pendapatan dan aliran tunai yang jelas bagi tempoh tiga tahun akan datang. Syarikat turut merekodkan tempahan kira-kira RM1.7 bilion setakat 15 Februari 2026. Sementara itu, GDV tidak terjual bagi inventori siap kekal rendah pada RM191.1 juta, mencerminkan pengurusan inventori yang berdisiplin. Setakat 31 Disember 2025, nisbah penggearing bersih meningkat kepada 35.9%, sejajar dengan pelaksanaan modal berterusan untuk mengembangkan Aset di Bawah Pengurusan (Asset Under Management atau "AUM") serta pelaburan bagi mempercepat pertumbuhan portfolio pendapatan berulangannya. Syarikat terus mengamalkan pendekatan pembiayaan yang berhemat bagi memastikan fleksibiliti kewangan yang mencukupi untuk menyokong pertumbuhan perniagaan dalam jangka panjang.

Syarikat terus mengekalkan penarafan AA+_{IS} dengan tinjauan stabil bagi Program Nota Jangka Sederhana Islam ("Sukuk Musharakah") berjumlah RM4.5 bilion, seperti yang ditegaskan oleh MARC Ratings Berhad bagi tahun kelima berturut-turut.

Perkembangan Korporat Utama

Syarikat mencatatkan kemajuan dalam pembangunan pusat pengedaran automatik sepenuhnya bernilai RM450 juta untuk MYDIN di City of Elmina, yang dijadualkan siap pada tahun 2027 dan akan terus memperkukuh AUM serta pendapatan berulangannya.

Dividen

Sime Darby Property telah mengisytiharkan dividen kedua sebanyak 1.70 sen sesaham bagi S4 TK2025, sekali gus menjadikan jumlah dividen bagi tahun tersebut sebanyak 3.20 sen sesaham, dengan jumlah pembayaran keseluruhan sebanyak RM217.6 juta.

Prospek TK2026

Sime Darby Property dijangka akan berada pada kedudukan yang kukuh dalam mengekalkan momentum pertumbuhannya pada tahun 2026, selari dengan prospek ekonomi Malaysia yang

UNTUK SIARAN SEGERA

stabil, persekitaran kadar faedah yang menggalakkan serta aktiviti berterusan dalam pasaran hartanah. Dengan sasaran jualan sebanyak RM4.0 bilion dan perancangan pelancaran kira-kira RM4.7 bilion dalam GDV merangkumi pasaran tempatan dan antarabangsa, Syarikat kekal memberi tumpuan kepada pelaksanaan berdisiplin terhadap keutamaan strategiknya.

Melihat ke hadapan bagi TK2026, Dato' Seri Azmir Merican menyimpulkan, "Kami kekal komited untuk meneruskan transformasi sebagai sebuah syarikat hartanah, sambil mengekalkan tumpuan yang jelas terhadap pelaksanaan berdisiplin, kepelbagaian portfolio serta pengembangan sumber pendapatan berulang. Berteraskan Matlamat kami, bank tanah strategik serta saluran projek perindustrian dan kediaman yang kukuh diyakini dapat menyokong kedudukan kepimpinan kami di samping memberikan pulangan yang konsisten kepada pemegang saham."

-TAMAT-

Mengenai Sime Darby Property Berhad

Dengan pengalaman lebih daripada 50 tahun, Sime Darby Property menerajui pembangunan komuniti terancang, menetapkan penanda aras bagi kualiti, inovasi dan kemampunan dalam projek-projek kediaman, bersepadu dan bertingkat tinggi di 26 perbandaran dan pembangunannya di seluruh Malaysia.

Di kala peralihan kepada sebuah syarikat hartanah, Sime Darby Property memacu segmen perindustrian dan logistik di Elmina Business Park, Bandar Bukit Raja dan Bandar Hamilton Nilai. Syarikat juga merupakan pemaju hartanah tersenarai awam pertama di Malaysia yang mewujudkan dana pembangunan dalam sektor perindustrian dan logistik untuk mendorong portfolio pendapatan berulang.

Syarikat telah berikrar untuk mencapai pelepasan karbon Sifar Bersih menjelang 2050 berpandukan sasaran berasaskan sains untuk mengehadkan kenaikan suhu global kepada 1.5°C. Sebuah organisasi yang menjuarai usaha-usaha pemeliharaan biodiversiti, Sime Darby Property merupakan konstituen MSCI ACWI Small Cap Index bertaraf MSCI ESG BBB, dan dinilai oleh Carbon Disclosure Project.

Sebagai sebahagian daripada konsortium Malaysia yang berjaya membangunkan semula Battersea Power Station yang ikonik di United Kingdom, Sime Darby Property juga memiliki Kuala Lumpur Golf & Country Club yang telah memenangi pelbagai anugerah serta menjadi tuan rumah kepada acara berprestij Maybank Championship yang diselia oleh LPGA.

Didorong oleh Matlamatnya untuk Memacu Hartanah sebagai Pengganda Nilai kepada Masyarakat, Perniagaan, Ekonomi, dan Planet, Sime Darby Property melalui badan dermawannya, Yayasan Sime Darby, kekal aktif mencipta impak sosial yang positif untuk semua lapisan masyarakat.

Sime Darby Property telah diiktiraf sebanyak dua kali sebagai pemaju hartanah nombor satu Malaysia di 'The Edge Malaysia's Top Property Developers Awards' pada tahun 2024 dan 2025, dengan pencapaian-pencapaian membanggakan lain, termasuk kemenangan Emas dan Perak di FIABCI World Prix d'Excellence Awards 2023 yang berprestij, tempat pertama untuk 'All-Stars' di StarProperty Awards 2025, anugerah 'Top of the Chart' dalam kategori permodalan pasaran RM1 bilion dan ke atas di Malaysia Developer Awards 2024, Anugerah 10 Pemaju Terbaik (Malaysia) di BCI Asia Awards 2024, kedudukan Platinum dalam kategori Pembangunan Hartanah di Putra Brand Awards 2025, dan Anugerah Pilihan Rakyat di PropertyGuru Asia Awards Malaysia 2024. Selain itu, Sime Darby Property tersenarai dalam senarai Fortune Southeast Asia 500, sebagai salah satu daripada hanya 89 syarikat Malaysia yang ditampilkan dalam senarai sulung tersebut.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.simedarbyproperty.com

Kontak Media:

- Hannah Rafee | +6017-878 8090 | hannah.rafee@simedarbyproperty.com
- Norsyahmee Rizal Norazman | +6019-777 3829 | syahmee.norazman@simedarbyproperty.com
- Hanie Nasir | +6019-725 7015 | hanie.afieqah@simedarbyproperty.com

Untuk pertanyaan lanjut, sila e-mel: group.communications@simedarbyproperty.com